

**KOMPETENSI GURU BAHASA ARAB DI MALAYSIA.** Oleh Abdul Razif Zaini, Noor Shamsinar Zakaria, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohammad Rofian Ismail, Hasmadi Hamdan, Ahmad Zabidi Abdul Razak dan Naqibah Mansor – Kajang 2023. Halaman 95.

Kompetensi Guru Bahasa Arab di Malaysia merupakan sebuah buku yang lahir dari hasil kajian dan penyelidikan bersama Pusat Pendidikan ISESCO di Malaysia, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) serta Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini merupakan salah usaha pihak berkepentingan dalam pendidikan bahasa Arab di peringkat nasional (KUIS, KPM) dan antarabangsa (ISESCO) dalam memperkasa kedudukan dan penggunaan bahasa Arab di Malaysia khususnya serta benua asia Tenggara amnya. Kompetensi guru dalam memperkasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dikupas secara tuntas berdasarkan dapatan-dapatan yang diperolehi hasil temubual dan sesi libat urus yang dijalankan, melibatkan guru-guru pakar dan berpengalaman. Buku ini secara umumnya telah mengetengahkan beberapa strategi, latihan dan program yang berkesan dalam usaha meningkatkan kompetensi guru bahasa Arab di Malaysia. Buku ini mengupas lima kompetensi utama yang perlu ada pada seseorang guru bahasa Arab menerusi lapan bab dan diterbitkan oleh Penerbit Universiti Islam Selangor pada tahun 2023.

Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan negara. Guru adalah pelaksana segala dasar dan matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Tanpa penglibatan dan sokongan, segala perancangan yang telah digariskan oleh pihak kementerian tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Untuk itu, guru seharusnya kompeten dalam profesi mereka. Cadangan untuk pemilihan guru dibuat dalam kalangan 30% graduan terbaik dalam negeri (Bernama, 2013) adalah manifestasi penekanan elemen kompetensi dalam kalangan guru. Guru perlu terpilih, terlatih dan berkelayakan.

Kompetensi merupakan unsur penting yang mampu menjamin kualiti penyampaian guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tahap kompetensi guru memberi kesan yang signifikan terhadap keberhasilan murid. Dengan kata lain, tahap kompetensi guru yang tinggi akan membantu melahirkan murid yang juga berkeupayaan menguasai bahasa Arab dengan baik.

Kompetensi didefinisikan sebagai kebolehan, pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekap atau dengan jayanya. Ia merupakan satu bentuk piawaian yang menggabungkan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab. Sifir mudah, guru yang kompeten akan mampu melahirkan pelajar yang juga kompeten. Justeru, buku ini mengupas lima kompetensi utama yang perlu bagi seorang guru, iaitu kompetensi bahasa, kompetensi kurikulum, kompetensi penilaian, kompetensi pedagogi dan kompetensi profesionalisme.

Kompetensi bahasa merupakan elemen yang sangat penting dalam pengajaran sesuatu bahasa. Guru bahasa tidak sahaja berperanan mengajar tentang bahasa, sebaliknya perlu berkemahiran menggunakan bahasa tersebut. Seorang guru bahasa yang kompeten perlu mempunyai pengetahuan mendalam tentang bahasa dan berkemahiran menggunakan bahasa tersebut dalam pengajaran dan pertuturan harian. Bahasa perlu digunakan dan bukan disimpan.

Guru bahasa Arab yang kompeten adalah guru yang memiliki ilmu linguistik dan kebahasaan seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, retorik dan sebagainya. Guru bahasa yang kompeten juga perlu menguasai empat kemahiran asas mendengar, bertutur, membaca dan

menulis. Guru bahasa Arab yang baik perlu mampu berkomunikasi (mendengar dan bertutur dalam bahasa Arab serta mampu membaca dan menulis dengan baik. Tambahan pula, elemen pengetahuan dan kemahiran tidak dapat dipisahkan, malah kedua-duanya merupakan pelengkap antara satu sama lain.

Kompetensi bahasa boleh diukur menerusi penggunaan. Guru mesti menggunakan bahasa sasaran sebagai medium pengajaran dan penyampaian, walaupun dari sudut realitinya tahap penggunaan bahasa dalam komunikasi murid-guru masih rendah. Guru perlu menggunakan bahasa Arab dalam darjah sebagai medium penyampaian.

Bahasa merupakan sistem fungsian. Bahasa adalah alat komunikasi dan interaksi. Bahasa tanpa komunikasi bakal mengehad fungsinya. Kompetensi bahasa berkait rapat dengan penggunaan bahasa secara komprehensif.

Kompetensi kedua adalah kompetensi kurikulum. Kompetensi kurikulum merupakan teras standard professional guru. Kompetensi kurikulum menjamin proses perjalanan proses pengajaran dan pemudahcaraan yang lancar dan berkesan.

Guru yang professional memiliki pengetahuan yang luas dan mendalam tentang pelajaran yang diajar. Kompetensi kurikulum berkait rapat dengan kandungan. Guru perlu sentiasa mengekal dan menambah pengetahuan serta kemahiran dalam bidang masing-masing agar kompetensi ini sentiasa berada pada tahap yang baik.

Dalam konteks pendidikan bahasa Arab di Malaysia, guru perlu cakna tentang kurikulum yang digunakan. Bahasa Arab dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menetapkan bahawa pengajarannya berpaksi pendidikan bahasa ketiga. Manakala di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) kurikulum al-Azhar menjadi teras dalam pembelajarannya. Pada tahun 2014, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) mengambil alih peranan kurikulum al-Azhar dan perbezaan ini pastinya memberi kesan serta implikasi dalam penyampaian guru. Kompetensi kurikulum semestinya diperlukan dalam keadaan ini.

Satu lagi kompetensi guru yang diperlukan adalah kompetensi penilaian. Kompetensi penilaian merujuk kepada kecekapan seorang guru menilai kerja pelajar serta menganalisis data yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber penilaian. Ringkasnya, ia adalah proses mendapatkan maklumat bagi tujuan menambahbaik dan meningkatkan kualiti pengajaran dan kemenjadian murid.

Kompetensi penilaian adalah satu lagi standard kecekapan yang perlu dimiliki oleh seorang guru. Ia melibatkan aspek perancangan pentaksiran, pengurusan, pemarkahan, interpretasi keputusan dan pelaporan hasil. Penilaian adalah penghakiman merit dan pertimbangan kualiti dalam menentukan keberhasilan pelajar (Habibah Mat Rejab, 2016).

Perancangan penilaian merupakan langkah pertama dalam proses penilaian. Perancangan perlu dilakukan secara sistematik agar maklumat yang diperolehi dapat diinterpretasi dengan tepat. Guru perlu mahir merancang penilaian dan pentaksiran termasuk membangunkan alat yang efektif dan sesuai dengan matlamat yang disasarkan.

Perancangan yang baik perlu disusuli dengan pelaksanaan, pengurusan, pemarkahan dan interpretasi yang mantap. Guru perlu mahir memilih instrumen yang sesuai, membuat pemarkahan yang jelas dan menginterpretasi keputusan dengan tepat. Data penilaian yang diperolehi kebiasaannya dimanipulasi dalam bentuk pemeringkatan (*ranking*), tahap atau aras (*band*), peratusan, markah standard, gred dan sebagainya sekaligus mampu membantu guru menilai keberkesanan pengajaran mereka dan keberhasilan murid.

Kemuncak proses penilaian adalah pelaporan. Ia merupakan peringkat di mana data penilaian yang diperolehi dapat diakses, difahami dan dimanfaatkan. Laporan penilaian yang diperolehi boleh dimanfaatkan bagi menentukan kemajuan akademik dan pencapaian pelajar, mengenal pasti kelemahan penyampaian guru, permasalahan dihadapi pelajar, pengelompokan pelajar, menilai sahsiah dan sikap pelajar, menentukan tahap motivasi pelajar, gaya pembelajaran pelajar serta beberapa matlamat lain.

Laporan yang baik dan bersistematis membolehkan ia diakses oleh semua pihak berkepentingan. Laporan yang diperolehi seharusnya membolehkan guru menilai kualiti pengajaran mereka, membuat refleksi yang kritikal, memperbaiki pencapaian profesionalisme dan meningkatkan mutu pengajaran melalui pembacanaan dan penyelidikan.

Pengetua, pentadbir dan pegawai pendidikan pula boleh memanfaatkan laporan penilaian sebagai alat ukur bagi menilai keberkesanan pengajaran guru sekaligus melakukan penyeliaan dan pemantauan berterusan. Laporan penilaian juga boleh dimanfaatkan oleh ibu bapa secara konklusif untuk mengetahui perkembangan anak-anak mereka sebagai satu mekanisme untuk turut sama terlibat dalam pembangunan pendidikan pelajar.

Kompetensi keempat yang perlu dikuasai oleh guru adalah kompetensi profesionalisme. Profesionalisme merujuk kepada sifat-sifat wajar yang terdapat pada atau dilakukan oleh seorang professional (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2013), dalam konteks ini guru. Kompetensi ini perlu dibangunkan oleh setiap guru agar ia sentiasa menjunjung etika keguruan dan memiliki integriti profesional yang tinggi dalam profesi keguruannya (Hyvarinen, Saaren & Tossavainen, 2015).

Standard Guru Malaysia (2009) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menggariskan tiga elemen utama bagi kompetensi profesionalisme. Elemen tersebut adalah amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

Selaras dengan standard tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan satu program dinamakan Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB) pada tahun 2011 bertujuan membimbing guru yang pertama kali menceburi bidang perguruan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta amalan nilai professional. Program ini dilaporkan telah memberi kesan positif dalam pembangunan nilai profesionalisme guru di Malaysia.

Selain inisiatif yang digariskan pihak kerajaan, guru-guru di Malaysia turut mempunyai keinginan yang tinggi membangunkan kompetensi profesional mereka. Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menunjukkan 90% daripada guru di Malaysia mengikuti Program Pembangunan Profesionalisme selama 10 hari setahun melebihi ketetapan kerajaan sebanyak tujuh kali. Ini menggambarkan komitmen dan kesungguhan mereka dalam membangun kompetensi profesionalisme keguruan.

Amalan profesionalisme keguruan boleh dipertingkatkan dengan beberapa kaedah antaranya adalah melalui pembangunan motivasi. Motivasi individu termasuk keazaman, kesungguhan serta kesedaran guru mampu meningkatkan profesionalisme guru.

Pementoran yang dilaksanakan menerusi PPGB juga merupakan satu lagi usaha mempertingkatkan profesionalisme guru. Program pementoran ini dapat memberikan bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan bantuan yang bersifat professional dan berstruktur. Menerusi program ini, guru berpengalaman menjadi contoh dan ikutan kepada guru-guru baharu dan kurang berpengalaman.

Bagi mengekalkan guru di tahap profesionalisme yang tinggi, kursus dan latihan perlu dilakukan secara berterusan oleh pihak sekolah mahupun kementerian. Bukan itu sahaja, guru juga perlu cekap mengagih waktu bekerja dan tugas mereka termasuk melaksanakan tugas pentadbiran dan pengkeranian, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, sukan, perundingan dan khidmat masyarakat.

Kompetensi yang terakhir dibincangkan dalam karya ini adalah kompetensi pedagogi. Kompetensi pedagogi merujuk aspek pengajaran dan pembelajaran secara khusus seperti pendekatan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran-pembelajaran, organisasi sekolah dan pengurusan bilik darjah.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, aspek paling penting adalah strategi dan kaedah penyampaian. Ketinggian ilmu pengetahuan seorang guru apabila diadun dengan kaedah penyampaian yang baik merupakan ramuan keberhasilan dan kemenjadian murid.

Kompetensi pedagogi perlu seiring dengan kepesatan teknologi moden. Sistem pendidikan negara yang berkembang pesat dan berteraskan teknologi terkini menuntut setiap guru memperkasa diri dengan kemahiran teknologi dan digital. Senario ini menunjukkan bahawa kompetensi pegadogi guru perlu sentiasa dipertingkat dan diperbaharui.

Bab ketujuh dan kelapan dalam buku ini memberikan tumpuan khusus kepada kompetensi guru bahasa Arab di Malaysia serta usaha ke arah pemantapannya. Ia merupakan hasil kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti tahap kompetensi guru bahasa Arab di Malaysia seterusnya mencadang usaha ke arah pemantapan kualiti penyampaian guru dan kemenjadian penuntut bahasa Arab.

Berdasarkan dapatan yang diperolehi oleh kajian, tahap kompetensi guru bahasa Arab di Malaysia berada pada tahap tinggi bagi kompetensi pedagogi dan profesionalisme, tahap baik bagi kompetensi penilaian dan pada tahap sederhana bagi kompetensi kurikulum dan bahasa.

Kompetensi pedagogi guru berada pada tahap tinggi. Guru bahasa Arab di Malaysia menguasai aspek penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan melakukan perancangan yang baik sebelum sesi pengajaran bermula. Berdasarkan penelitian, guru bahasa Arab di Malaysia adalah guru terlalih yang menyertai kursus dan pelatihan sebelum serta semasa dalam perkhidmatan samada dianjurkan oleh kementerian mahupun pihak sekolah.

Kompetensi yang turut berada pada tahap tinggi adalah kompetensi profesionalisme. Kompetensi ini berkait langsung dengan kompetensi pedagogi disebabkan beberapa faktor, antaranya pembacaan dan penyertaan kursus tujuh hari setahun yang ditetapkan pihak kementerian. Walau bagaimanapun, penglibatan guru bahasa Arab dalam program-program

yang berfokuskan bahasa didapati terlalu kecil khususnya di peringkat serantau dan antarabangsa.

Satu-satunya kompetensi guru bahasa Arab yang berada di tahap baik adalah kompetensi penilaian. Dapatkan ini menunjukkan bahawa guru berupaya menilai hasil kerja dan kemahiran bahasa pelajar, penentuan kemajuan pelajar, penetapan gred, perekodan dan pelaporan. Tahap kompetensi penilaian yang baik ini didorong oleh penyertaan guru bahasa Arab dalam latihan dan kursus berkaitan pentaksiran yang sering dianjurkan oleh pihak sekolah dan kementerian dari semasa ke semasa.

Dua kompetensi yang didapati memiliki tahap terendah dalam kajian yang dijalankan ini adalah kompetensi kurikulum dan kompetensi bahasa. Walaupun didapati mencapai tahap sederhana, namun perkara ini perlu diberikan perhatian kerana kedua-duanya menduduki tahap terendah dalam kajian dan perlu dipertingkatkan.

Berdasarkan data diperolehi, tahap sederhana bagi kompetensi kurikulum didorong oleh kebergantungan tinggi kepada buku teks dan kekurangan usaha menambahbaik kandungan bahasa Arab semasa. Guru juga didapati kurang kompeten dalam pengemaskinian isi kandungan kurikulum sekaligus menggambarkan keperluan menambahbaik kompetensi ini.

Kurikulum merupakan aspek yang sentiasa berhadapan dengan perubahan dari semasa ke semasa. Pembangunan dan penggubalan kurikulum baru merupakan proses yang sangat mencabar bagi memastikan perubahan yang berlaku meningkatkan kualiti sebelumnya. Justeru, dalam keadaan ini, guru juga perlu cakna dengan perubahan yang berlaku dan mempersiap diri bagi meningkatkan tahap kompetensi kurikulumnya.

Satu lagi kompetensi yang terendah adalah kompetensi bahasa. Kenyataan ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan guru adalah sederhana dan sangat perlu untuk dipertingkatkan kerana matapelajaran yang diajar adalah bahasa Arab. Guru bahasa Arab perlu kompeten dalam aspek bahasa kerana ia perlu menggunakan kemahiran bahasa dalam pengajaran dan bukan sekadar mengajar tentang bahasa.

Dapatkan yang diperolehi menunjukkan guru bahasa Arab perlu meningkatkan penggunaan bahasa Arab dalam darjah, memperkaya kosa kata pelajar, berkomunikasi dengan fasih, memberikan arahan dalam bahasa Arab dan menguasai keempat-empat kemahiran bahasa dengan baik dan sempurna. Sekiranya aspek-aspek ini tidak dapat dikuasai dengan baik, maka sudah pasti matlamat pembelajaran dan penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi tidak dapat direalisasikan.

Buku ini juga mengemukakan pandangan guru bahasa Arab dalam meningkatkan tahap kompetensi mereka. Sekitar 1000 cadangan dan pandangan guru bahasa Arab dikumpul dan dianalisis bagi membentuk diagram pelatihan guru yang berkeupayaan meningkatkan tahap kompetensi mereka.

Pandangan dan cadangan guru selari dengan analisis dokumen yang djalankan sebelumnya. Guru bahasa Arab di Malaysia melalui sistem pelatihan dan kursus keguruan yang sistematik. Guru mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dan baik bagi profesionalisme, pedagogi dan penilaian. Walau bagaimanapun, guru mencadangkan agar kursus dan pelatihan berkaitan bahasa Arab secara khusus diberikan tumpuan kepada aspek bahasa dan kemahiran, penilaian, pedagogi, profesionalisme dan kurikulum.

Kebanyakan cadangan yang dikemukakan tertumpu kepada domain bahasa dan kemahiran. Guru mencadangkan agar program dan kursus yang memberikan tumpuan kepada kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis termasuk aspek tatabahasa perlu dianjurkan secara berfokus dan berterusan. Rata-rata guru mencadangkan agar pelatihan berfokus kemahiran perlu diberikan tumpuan khusus. Malah ada cadangan agar kursus bahasa ini dapat dijalankan di luar negara supaya pengalaman yang diperolehi lebih luas. Cadangan dan usaha ini menampakkan keperluan dan kesungguhan guru untuk meningkatkan kompetensi bahasa mereka.

Kolokium, simposium guru dan seminar juga merupakan antara program pengembangan yang disyor oleh guru dalam cadangan mereka. Program seumpama ini mampu dijadikan medan perdebatan dan pengkongsian pengalaman yang boleh dimanfaatkan dalam pengajaran guru.

Buku ini turut berkongsi pengalaman Pusat Pendidikan ISESCO di Malaysia (salah satu pusat Pendidikan ISESCO beribu pejabat di Rabat) dalam melatih guru-guru bahasa Arab di Malaysia dan rantau Asia Tenggara melalui program-program akademik, seminar, bengkel, pertandingan dan seumpamanya. Buku ini turut membincarkan peranan yang dimainkan oleh ISESCO Malaysia dalam menyediakan peluang latihan dan kursus kepada guru bahasa Arab dibiayai oleh ISESCO (*Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization*) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Kelebihan buku ini terletak pada kerjasama dan sesi libat urus yang terjalin antara pihak-pihak yang terlibat. Data yang diperolehi melalui perkongsian pintar ini sememangnya mempunyai nilai yang tinggi dan dimanfaatkan dalam kajian. Data yang diperolehi daripada pihak BPI, KPM, ISESCO dan guru-guru yang terlibat dalam kajian membantu usaha pihak yang terlibat untuk menilai keperluan program dan aktiviti guru seterusnya membangunkan domain pelatihan guru bahasa Arab di Malaysia pada masa hadapan.

Secara umumnya, buku yang dihasilkan ini adalah bersasar. Hasil kajian yang diperolehi ini dilihat mampu dimanfaatkan oleh pentadbir dan pemegang taruh yang boleh dijadikan panduan dalam merencana dan melaksana program-program yang mampu meningkatkan kompetensi guru, khususnya yang berkaitan dengan kompetensi bahasa. Program-program dan aktiviti-aktiviti akademik dan kemahiran berbahasa yang disenaraikan dalam buku ini boleh dilaksanakan untuk tujuan pengembangan kompetensi.

Kesimpulannya, guru bahasa Arab mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tahap kompetensi mereka sentiasa di tahap yang tinggi. Mereka perlu sentiasa dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran selari dengan kepesatan teknologi. Justeru, karya ini sangat sesuai untuk dijadikan panduan dan rujukan bagi pentadbir pendidikan, pendidik, penyelidik khususnya guru-guru bahasa Arab di Malaysia dan rantau Asia Tenggara dalam merangka program-program pembangunan kompetensi guru bagi memastikan golongan ini kekal relevan dalam sektor pendidikan.

## RUJUKAN

Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini*.

Bernama. (2013, September 6) Pengambilan Guru Hanya di Kalangan 30% Graduan Terbaik. MalaysiaKini. <https://www.malaysiakini.com/news/240433>

Habibah Mat Rejab. (2016). Amalan Pentaksiran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Thesis PhD*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Hyvarinen K., Saaranen, T., & Tossavainen, K. (2015). A Teacher's Professional Competence and Occupational Well-Being – A Survey For Finnish, ECER 2015, Education and Transition. European Educational Research Association. 1-3.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2013). Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: KPM.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu (PPBG)*. Putrajaya: KPM.

**Abdul Razif Zaini**

Universiti Islam Selangor  
Selangor, Malaysia

**Yoyo Ardi Tohir**

Universiti Ahmad Dahlan (UAD)  
Yogyakarta, Indonesia